

Majlis Pelancaran Anjung UniMAP



24 Disember 2008

Pejabat Anjung Universiti Malaysia Perlis, kini berubah wajah setelah berpindah ke Menara Tun Razak Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh DYTM Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Turut hadir pada majlis tersebut, DYTM Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md Isa Sabu, Timbalan Ketua Setiausaha Perkhidmatan Sains Kementerian Sains Teknologi & Inovasi Y.Bhg.Prof. Datin Paduka Dr Khadijah Mohd Yusoff, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Zainul Ariff Haji Hussain, YBM Dato' Seri Diraja Syed Razlan Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Y.Bhg Naib Canselor UniMAP Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin. Pada majlis itu juga, satu memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara Universiti Malaysia Perlis, Kerajaan Negeri Perlis, Golden Composite Sdn. Bhd dan Kolej Intim.